

# Sambutan Jubli Intan SDAR di Tanjung Malim pada 1 Disember

**SEREMBAN 19 Nov.** - Persatuan alumni Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR) dan SDAR Seniors Club akan menganjurkan sambutan Jubli Intan institut berkenaan sempena 60 tahun penubuhannya pada 1 Disember depan.

Alumni SDAR, Mohd. Zuber Zain berkata, acara berkenaan yang akan berlangsung di tapak lama SDAR Tanjung Malim, Perak yang kini sebahagian daripada kampus Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bakal dimulakan dengan sambutan Maulidur Rasul di Masjid Jamek Tanjung Malim.

"Peserta kemudian akan berkumpul di Auditorium UPSI bagi menghadiri majlis meletakkan kembali replika plak perasmian SDAR oleh Tun Abdul Razak pada 1958 dan plak pemasyhuran SDAR yang pernah berada di Tanjung Malim selama 15 tahun dari 1957 hingga 1971.

"Majlis tersebut akan disempurnakan oleh Naib Canselor

UPSI, Prof. Datuk Dr. Mohamad Shatar Sabran yang akan turut melancarkan buku khas Jubli Intan SDAR bertajuk 'SDAR: Memori Tanjong Malim,' katanya di sini hari ini.

Mohd. Zuber berkata, buku tersebut memuatkan rencana santai serta gambar-gambar lama yang merakam kenangan pahit manis kehidupan pelajar di sekolah asrama penuh itu.

Selain mendokumentasi aspek rasmi seperti maklumat pengetua, guru-guru, ketua pengawas dan senarai pelajar, buku tersebut turut memuatkan coretan tiga peristiwa penting yang pernah berlaku di SDAR Tanjung Malim iaitu Mogok 1961, Pecah Pinggan 1967 dan menjuarai Piala Mori tahun 1971.

Antara bekas pelajar SDAR yang dijemput hadir adalah Menteri Pertanian, Datuk Seri Ahmad Shabery Chik; Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya dan Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Ber-

had, Datuk Dr. Latif Ahmad.

Turut dijemput ialah bekas Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Dr. Mohd Khir Yusof serta bekas Naib Canselor Univeristi Putra Malaysia (UPM), Tan Sri Prof. Dr. Nik Mustapa.

Menurut Mohd. Zuber, jamuan makan malam alumni akan diadakan dan dimeriahkan dengan persembahan nostalgia Malam Senandung SDAR yang dahulunya merupakan acara budaya tahunan.

"Semua peserta akan turut menerima sijil khas yang menandakan mereka pernah belajar di SDAR Tanjung Malim," katanya.

Sehubungan itu, ujanya, bekas guru serta alumni dari tiga kampus SDAR Tanjung Malim, Sikamat dan Sungai Gadut dijemput menghadiri majlis itu dan boleh menghubungi Zainuddin Mohamad di talian 019-2202603 atau Ramly Khairuddin (012-3939406) bagi tujuan pendaftaran dan tempahan hotel.